

Rakyat kena kikis sikap prejudis kaum: Abdullah

Kemakmuran dinikmati sejak lebih 50 tahun perlu dipertahankan

BH-12/2/2008

Oleh Matzidi Dris

SIBU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat pelbagai kaum mengikis sikap prejudis kaum yang masih ada di kalangan mereka kerana sikap negatif itu boleh merosakkan keamanan serta kemakmuran negara yang dinikmati sejak lebih 50 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, untuk fasa kedua 50 tahun akan datang, rakyat perlu saling menghormati dan bekerjasama tanpa mengira kaum dan agama, termasuk suku kaum di Sarawak dan Sabah.

"Saya tidak mahu ada sikap prejudis kaum di kalangan rakyat, terutama generasi muda yang masih di bangku sekolah kerana sikap demikian boleh merosakkan masa depan negara yang kita bina lebih 50 tahun lalu.

"Jika ada prejudis kaum, akan ada konfrontasi dan pergaduhan, sekali gus pembangunan yang kita ada sekarang akan musnah dan pasti merugikan negara," katanya ketika merasmikan Dewan Centennial Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) St Elizabeth Mill Hill Franciscan dan Pusat Pentadbiran di sini, semalam.

Turut hadir pada majlis perasmian berharga RM7 juta itu ialah isterinya Datin Seri Jean Abdullah; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta isteri, Puan Sri Laila Taib dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Dr George Chan Hong Nam.

"Saya mahu Malaysia terus aman dan maju dalam pelbagai bidang untuk 50 tahun lagi dan generasi muda yang masih belajar pada peringkat sekolah rendah, menengah mahu pun maktab sentiasa memiliki sikap menghormati dan bekerjasama tanpa mengira kaum, termasuk yang tinggal di pedalaman, Sarawak dan Sabah.

"Jika ada atau berlaku pergaduhan kaum, apa yang kita ada akan musnah dan harapan menjadikan Malaysia terus cemerlang, gemilang dan terbilang akan terjejas," katanya.

Beliau berkata, untuk memperbaiki apa yang sudah rosak memerlukan kos yang tinggi dan mengambil masa yang panjang.

"Jadi, elakkan prejudis kaum, pelihara hubungan baik pelbagai kaum di negara ini," katanya.

Mengenai pendidikan Abdullah berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak pernah mengabaikan ban-



KENALI PEMIMPIN: Abdullah bersalaman dengan pelajar sambil diikuti Jeanne selepas merasmikan Dewan Centennial SMK St Elizabeth Mill Hill Franciscan dan Pusat Pentadbiran, di Sib, semalam.

tuhan pendidikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) serta sekolah mubaligh.

Beliau juga meminta guru tidak hanya mendidik pelajar dalam bidang akademik, sebaliknya menyemai sikap saling menghormati dan bekerjasama antara satu sama lain, walaupun berasal dari kaum dan agama berbeza.

Ketika ditemui kemudian, Abdullah berkata, masih banyak negeri yang perlu beliau lawat dan Sarawak bukan yang terakhir.

"Saya faham dengan soalan saudara, mengenai Pilihan Raya Umum Ke-12 bukan," katanya kepada pemberita sambil ketawa.

Sementara itu, ketika menghadiri Majlis Makan Malam Bersama Rakyat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sacred Heart, malam tadi Abdullah mengajak rakyat pelbagai kaum di negara ini bekerjasama lebih kuat bagi menjamin kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan membangun menjelang 2020 dalam sepotong-ayat 'saya bekerja dengan anda dan anda be-

kerja dengan saya'.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu turut serta untuk bekerjasama keras ke arah mencapai kejayaan, terutama mengeluarkan golongan miskin tegar daripada belunggu kemiskinan menjelang 2010.

"Kita harus bekerjasama lebih kuat untuk mengeluarkan golongan miskin tegar daripada kehidupan mereka dalam tempoh dua tahun dari sekarang. Saya berkerja dengan anda dan anda berkerja dengan saya.

"Kalau kita dapat berbuat demikian, saya percaya Malaysia akan berjaya mencapai matlamat sebagai negara industri yang maju menjelang 2020 nanti," katanya.

Mengenai pembangunan bandar Sib, Perdana Menteri berkata, Lapangan Terbang Sib akan diperbesar lagi untuk menampung permintaan penduduk yang semakin meningkat berikutan pembangunan pesat kawasan tengah Sarawak.

Tanpa menyebut kosnya, Abdullah berkata, pelaksanaan projek itu akan dilakukan selepas kajian semula Rancangan Malaysia Kesembilan

(RMK-9) akan datang.

Beliau berkata, pada masa sama, Kerajaan Pusat akan membantu kerajaan negeri mempertingkatkan lagi kemudahan komunikasi seperti telefon dan pengangkutan di negeri ini secara berperingkat.

Katanya, usaha untuk membangunkan semula kemudahan di negeri ini memerlukan kos yang tinggi kerana keluasan Sarawak hampir sama dengan seluruh Semenanjung.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut mencadangkan mana-mana bekas anggota polis yang bersara sejak tiga tahun lalu diambil semula berkhidmat untuk mengatasi kekurangan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) ketika ini.

Sehubungan itu, beliau berkata, PDRM boleh memaklumkan perkara itu kepada anggota yang akan bersara dalam masa terdekat atau tiga tahun lagi supaya mereka boleh menangguk rancangan persaraan mereka.

"Ini adalah pendekatan terbaik untuk mengatasi kekurangan anggota sementara menunggu kemasukan 60,000 rekrut baru," katanya.